

NO. SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]**

TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kronologi dalam projek keretapi laju (HSR) Kuala Lumpur Singapura termasuk status terkini kajian feasibiliti fasa 2A dan anggaran kos projek tersebut setakat ini.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek *high speed rail* (HSR) telah dikenal pasti sebagai salah satu *Entry Point Project* (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang telah diumumkan 2010.
2. Kajian daya maju (*feasibility study*) projek ini telah dijalankan selama 15 bulan dan dapatannya telah dibentangkan kepada Majlis Ekonomi Negara untuk pertimbangan.
3. Dalam perkembangan terkini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa sesi Pemukiman Pemimpin Malaysia – Singapura baru-baru ini telah mengumumkan persetujuan bersama untuk pembinaan HSR di antara Kuala Lumpur dan Singapura.
4. Projek ini kini telah memasuki fasa kedua yang melibatkan perbincangan berhubung penstrukturran butiran terperinci projek, termasuk pengenalpastian jajaran dan lokasi stesen, kaedah-kaedah pelaksanaan dan perolehan bersama pihak-pihak berkepentingan terlibat, membabitkan wakil pihak Kerajaan Negeri yang berkaitan dan Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.